

ZOOLOGI

Norsuhana Abdul Hamid

ZOO APAKAH FUNGSINYA?



Kawasan ekopelancongan menjadi tempat tarikan pengunjung kerana keunikan alam semula jadi, ekologi yang menarik dan kepelbagaian flora dan fauna. Umumnya, pelancongan haiwan liar melibatkan pelancongan haiwan di dalam kurungan dan pelancongan haiwan di dalam kawasan semula jadi. Lawatan pengunjung atau pelancong ke zoo atau taman haiwan ialah pelancongan haiwan di dalam

kurungan. Pelancongan haiwan di dalam kawasan semula jadi (ekopelancongan) pula melibatkan aktiviti seperti memerhati burung, gajah, ikan paus, dan selam permukaan di laut untuk melihat kepelbagaian hidupan laut.

Terdapat beberapa kategori pelancongan haiwan liar, antaranya termasuklah di kawasan semula jadi, seperti melihat harimau yang terdapat di Taman Negara Kanha, India; berdekatan

dengan kemudahan penginapan percutian seperti pelancong berpeluang memberikan makan kepada monyet yang berkeliaran di sekitar Hutan Pusuk, Lombok, Indonesia; melihat haiwan liar di dalam kurungan, seperti di zoo dan di dalam akuarium; aktiviti melihat haiwan liar, seperti burung di Santuari Burung di Kuala Gula, Perak; di kawasan yang mempunyai taburan haiwan liar yang tinggi seperti di Safari Afrika; aktiviti

yang mencabar apabila bersama-sama haiwan liar, seperti menyelam dan melihat ikan paus di Pulau Vava'u, di Tonga berhampiran Lautan Pasifik Selatan, dan aktiviti memburu haiwan liar atau memancing ikan, seperti di Rio Plátano Biosphere Reserve.

Zoo merupakan satu daripada pusat pelancongan haiwan liar di dalam kurungan, selain tempat atau taman yang mempunyai kepelbagaian spesies haiwan liar yang jarang-jarang ditemukan. Penubuhan zoo terdiri daripada tiga objektif. Pertama, zoo berperanan penting sebagai tempat untuk melakukan program konservasi, penyelidikan dan pengurusan populasi. Oleh itu, zoo seharusnya mempunyai penyelidik untuk menjalankan kajian dalam usaha konservasi. Sebagai contohnya, kajian reproduktif melalui teknologi genetik berkait rapat dengan konservasi dan pengurusan spesies yang terancam.

The World Zoo Organisation (IUZG) dan The Captive Breeding Specialist Group of The World Conservation Union (IUCN) telah menubuhkan *The World Zoo Conservation Strategy (WAZA)* pada tahun 1993. Zoo dan akuarium yang terlibat dalam usaha konservasi ini berperanan menyebarkan maklumat, memberikan khidmat terhadap aktiviti pembiakan, perpindahan dan pengenalan semula haiwan liar pada habitat asalnya.

Usaha pemuliharaan haiwan di zoo merupakan konservasi secara *ex-situ*, iaitu usaha pemuliharaan dan pembiakan hidupan liar di habitat baharu. Menurut WAZA, pengurusan populasi haiwan di zoo melibatkan pengurusan demografi dan genetik, penjagaan dan pembiakan di dalam kurungan. Pemantauan haiwan dari aspek bilangan, umur dan struktur sosial adalah penting dalam usaha pembiakan. Pengurusan genetik pula melibatkan pengenalpastian identiti taksonomi.

Selain itu, zoo berperanan sebagai pusat pendidikan. Pengurusan zoo seharusnya memberikan kefahaman kepada pelawatnya mengenai kepentingan kepelbagaian haiwan liar. Papan penerangan perlu dipaparkan

dengan jelas untuk memberikan maklumat tentang haiwan tersebut.

Dalam konteks ini, maklumat yang disampaikan dengan menarik dapat meninggalkan kesan positif dan memberikan pengalaman yang menyenangkan kepada pelancong. Kesan positif dapat merangsang kesedaran dalam kalangan pelancong haiwan liar mengenai usaha konservasi yang dijalankan di sesebuah zoo. Namun begitu, pelancongan haiwan liar boleh mendatangkan kesan negatif jika tidak diurus dengan baik, terutamanya terhadap haiwan itu.

Perkhidmatan staf pendidikan perlu diwujudkan untuk menyebarkan pendidikan dan pengetahuan kepada pengunjung. Staf pendidikan perlu diberikan latihan secukupnya untuk memastikan mesej tentang konservasi dapat disampaikan dengan baik. Oleh itu, zoo memerlukan jaringan perhubungan antara Persatuan Pendidik

Zoo pada peringkat antarabangsa untuk berkongsi kaedah terbaik dan berkesan untuk mendidik pengunjung tentang kepentingan haiwan liar.

Kelangsungan hidup spesies haiwan merupakan perkara utama yang perlu diberikan perhatian penting. Sebagai contohnya, cara menjaga etika dan kebajikan haiwan. Persekitaran yang disediakan perlu memenuhi keperluan fizikal dan psikologi haiwan untuk memastikan haiwan tidak berada dalam keadaan tertekan yang boleh menyebabkan kematian. Penyediaan tempat pameran haiwan yang mengikut standard zoo perlu dipatuhi. Kawasan pameran seharusnya menyerupai habitat asal haiwan.

Haiwan liar yang berada di dalam ruang pameran kebiasaannya mendepani masalah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan ruang yang lebih kecil daripada habitat asal, yang akhirnya menyebabkan



Kawasan pameran yang menyerupai habitat asal haiwan.

haiwan ini mengalami tekanan. Sebagai contohnya, haiwan akan menunjukkan pelbagai tingkah laku yang pelik seperti melakukan pergerakan yang berulang-ulang. Hal ini menyebabkan tekanan yang melampau hingga membawa kematian.

Pada awalnya, tujuan penubuhan zoo di Malaysia adalah untuk mengumpulkan pelbagai spesies haiwan untuk dipamerkan kepada masyarakat. Zoo Negara yang merupakan zoo terbesar di Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963 itu diuruskan oleh Malaysia Zoological Society (MZS), iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan. Zoo Negara menerima dana dan sokongan daripada penderma individu atau syarikat yang menjadi penaja haiwan tertentu.

Zoo yang tertua di Malaysia ialah Zoo Taiping yang ditubuhkan pada tahun 1961. Zoo Taiping terletak di bawah pengurusan Majlis Daerah Taiping, sementara Melaka Zoo (ditubuhkan pada tahun 1963), kini di uruskan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah

Kebanyakan pelawat yang berkunjung ke zoo bukanlah disebabkan faktor untuk memperoleh pendidikan mengenai haiwan liar, tetapi tujuannya lebih kepada aktiviti rekreasi.


Jaya. Walaupun data pelawat yang berkunjung ke zoo di Malaysia adalah amat membanggakan, tetapi adakah dua objektif utama penubuhan zoo, iaitu konservasi dan pendidikan tercapai?

Adakah pengunjung atau pelancong yang melawat zoo hanya untuk rekreasi dan rehat minda? Atau berkunjung hanya untuk memenuhi kelapangan masa? Persoalan ini masih belum terungkai jawapannya, dan seharusnya terjawab melalui penyelidikan.

Banyak kajian tentang kunjungan pelawat ke zoo yang dijalankan di negara maju. Hasil kajian mendapati objektif penubuhan zoo tidak berjaya dicapai. Berdasarkan kajian terhadap pelawat yang mengunjungi Zoo Fort Worth yang terletak di Texas, Amerika Syarikat mendapati pelawat berkunjung ke zoo bukanlah disebabkan faktor untuk memperoleh pendidikan mengenai haiwan liar, tetapi tujuannya lebih kepada aktiviti rekreasi.

Terdapat juga zoo yang menitikberatkan perkara ini dan menyediakan kemudahan rekreasi yang sebaiknya. Perkara ini bertujuan menarik lebih banyak pengunjung untuk menampung kos pengurusan haiwan. Terdapat juga kajian yang dijalankan di luar negara yang mendapati bahawa pengunjung zoo hanya membaca secara imbasan ringkas maklumat haiwan yang terdapat di papan tanda yang dipamerkan.

Usaha Zoo Negara Malaysia, Zoo Taiping dan Zoo Melaka memberikan pendidikan kepada pengunjung, haruslah dipuji dan dibanggakan. Pelbagai aktiviti diadakan oleh pihak zoo, terutamanya aktiviti yang melibatkan pelajar sekolah untuk memberikan ilmu pendidikan dan konservasi. Usaha ini juga perlu ditingkatkan terhadap pengunjung dewasa. Walaupun ada zoo yang menyediakan aktiviti khas, seperti mewujudkan sukarelawan, tetapi adakah aktiviti ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat di Malaysia? Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berbangga dengan haiwan liar yang ada di negara kita. Jangan biarkan pelancong asing sahaja yang peka dan prihatin terhadap haiwan yang ada di negara ini, sedangkan kita tidak



Pengunjung dan pelancong yang melawat zoo.

Dr. Norsuhana Abdul Hamid, Pengerusi Rancangan Biologi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.